

MARIA & YUSUF:

Merengung Krismas Yang Menakjubkan

KANDUNGAN

Sudut Pandangan Yang Baru	2
Maria: Sudut Pandangan Ketakjuban.	4
Yusuf: Sudut Pandangan Ketaatan	17
Sudut Pandangan Kita Terhadap Krismas	33

Pada musim cuti, mungkin anda melihat cahaya di tingkap orang lain dan sedar anda sudah kehilangan semangat Krismas. Walaupun anda berusaha hidup sesuai dengan harapan orang lain, mungkin anda tiada keinginan untuk memberi hadiah lagi. Bahkan loceng gereja dan lagu-lagu Krismas pun membuat anda berasa bahawa Tuhan meminta lebih daripada kemampuan anda.

Jika anda berasa begitu, anda perlu melihat semula Krismas yang menakjubkan. Dalam petikan seterusnya daripada buku *Windows On Christmas*, penulis Bill Crowder menangkap semangat musim ini dan menunjukkan Tuhan yang telah menggerakkan syurga dan bumi, dan dua manusia, untuk memberi kita Hadiah yang terbaik.

Martin R. De Haan II

SUDUT PANDANGAN YANG BARU

Saya peminat setia perayaan Krismas. Saya suka segala sesuatu tentangnya—pokok Krismas, lampu, makanan, hadiah, lagu-lagu, makanan, perayaan, tradisi, makanan, berpeluang untuk menghadiri kebaktian khusus, perkumpulan keluarga, dan ya, makanan. Keluarga kami, seperti kebanyakan keluarga yang merayakan Krismas telah mengembangkan tradisi sendiri, dan setiap pernyataan kegembiraan itu membawa cara-cara sendiri untuk merayakan kelahiran Kristus. Setiap pernyataan itu memberi satu lagi lapisan pengalaman dan menyumbang ciri lain serta sudut pandangan tentang cerita Krismas yang sudah menjadi kebiasaan dan perayaannya.

Hidup kita penuh dengan sudut pandangan, dan tanggapan kita sendiri boleh menjadi lebih jelas serta kaya dengan melihat peristiwa-peristiwa hidup melalui beberapa jendela yang berlainan. Apabila sesuatu menjadi biasa, jendela-jendela itu semakin berharga. Pandangan yang baru, dari sudut yang lain, boleh membawa perubahan besar kepada cara kita menghargai kebenaran yang mungkin dalam bahaya menjadi basi dan lesu.

***Pandangan yang baru
boleh membawa
perubahan besar
kepada cara
kita menghargai
kebenaran yang
mungkin dalam
bahaya menjadi
basi dan lesu.***

Hakikat ini ditonjolkan kepada saya dengan cara yang menarik oleh seorang pembuat filem, iaitu Clint Eastwood. Sebagai peminat sejarah sejak dahulu, saya tidak sabar-sabar menunggu filemnya berjudul *Flags Of Our Fathers*, tentang pertempuran semasa Perang Dunia Kedua di sebuah pulau kecil di lautan Pasifik yang bernama Iwo Jima. Dan saya tidak kecewa. Saya diberitahu tentang hal-hal yang saya tidak pernah ketahui sebelumnya berkaitan dengan pertempuran bersejarah ini, dan yang lebih terkenal lagi, tentang pengibaran bendera Amerika di Iwo Jima. Tetapi semua itu diceritakan dari sudut pandangan tentera Amerika yang bertempur di situ.

Eastwood membuat susulan filem ini dengan filem kedua, *Letters From Iwo Jima (Surat dari Iwo Jima)*. Ia menyampaikan

cerita yang sama, tetapi dari sudut pandangan tentera Jepun yang berkubu di sana. Eastwood membiarkan kita melihat melalui sudut pandangan mereka dengan mengikuti surat-surat yang ditulis kepada keluarga masing-masing, bagaimana mereka menggambarkan keadaan yang sangat teruk dan pertempuran sengit yang berlaku di tempat itu.

Dua filem itu mengisahkan peperangan yang sama, tetapi pandangan terhadap pertempuran itu sangat berbeza. Ia menjadi pelajaran yang amat penting bagi saya tentang nilai dan kepentingan sudut pandangan.

Dalam cerita Krismas, sudut pandangan yang baru ini terdapat dalam ayat Alkitab yang biasa tahu di dalam Lukas 2. Di sana kita mendapat sudut pandangan yang berlainan terhadap peristiwa kelahiran Yesus,

dan kita boleh berkongsi sudut pandangan ini dengan melihat melalui jendela-jendela yang disediakan oleh orang yang ada pada waktu itu. Ini membolehkan kita melihat dan merasa apa yang dilihat dan dirasa oleh mereka, dan belajar daripada tindak balas mereka terhadap peristiwa yang indah dan berkuasa itu. Keajaiban yang tidak ditelan zaman ini:

- Memanggil kita berlutut di hadapan palung yang sederhana—dan menjangka kengerian salib yang kejam.
- Mengajar kita tentang kemuliaan penjelmaan Tuhan menjadi manusia—dan tragedi daripada dosa manusia yang memerlukan Penyelamat untuk menanggung dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri.
- Mengizinkan kita merayakan mukjizat

kelahiran—dan bersukacita dalam mukjizat kelahiran baru.

Ringkasnya, semua itu mengizinkan kita masuk ke dalam peristiwa-peristiwa yang telah mengubah dunia dan penghuninya untuk selama-lamanya—untuk menyertai penyembah-penyembah yang rendah hati, yang menyambut Kristus pada waktu kelahiran-Nya. Mereka memberi kita apa yang sering kita perlukan—sudut pandangan yang baru.

MARIA: Sudut Pandangan Ketakjuban

Satu daripada lagu-lagu Krismas yang sangat indah adalah nyanyian yang mudah dan ceria seperti “I Wonder As I Wander” (Aku Takjub Semasa Aku Mengembara). Dalam nada dan gaya lagu rohani, ia menceritakan tentang misteri cerita

Krismas dan campur tangan Tuhan yang ajaib. Lagu itu cuba mengungkapkan dalam perkataan dan muzik betapa sukarnya hati manusia untuk memahami pilihan Tuhan—dan sebabnya Dia memilih untuk melakukan hal itu.

Aku takjub

semasa aku mengembara
di bawah langit,
Bagaimana Yesus,
Penyelamat,
datang untuk mati.

Untuk orang hina dan biasa
seperti engkau dan aku ...

Aku takjub

semasa aku mengembara
di bawah langit.

Aku tidak tahu perkataan yang lebih sesuai untuk menggambarkan mukjizat selain *ajaib* (wonder). Tetapi saya menduga bahawa di dunia kita pada hari ini, ajaib tidak menakjubkan lagi. Seorang penyanyi yang tidak berjaya selepas rakaman pertamanya dianggap “keajaiban satu-kali.” Salah satu roti

putih yang paling biasa dalam pasaran adalah *Wonder Bread* (Roti Ajaib), dan pakaian dalam yang berjenama *Wonder* (Ajaib) pun ada. Namun, semua ini tidak dapat menggambarkan penggunaan perkataan *ajaib* dengan betul.

***Keajaiban sukar
dijelaskan kerana
ia melampaui
penjelasan manusia.***

Tujuh Keajaiban Dunia Purba (seperti Piramid Agung di Giza dan Taman Tergantung di Babel) mungkin lebih menangkap erti ajaib—sesuatu yang melampaui fikiran kita, dan mengingatkan kita bahawa kita terlalu kecil untuk memikirkan serta memproses hal-hal itu pada tahap tertentu. Tetapi pencapaian yang hebat dan sering kali

sukar difahami pun tidak membawa maksud ajaib yang sebenar. Semua itu dicipta oleh manusia seperti kita. Mungkin kita tidak tahu bagaimana mereka membinanya, tetapi ada penjelasan untuknya, walaupun penerangan itu belum ditemui.

Tidak, keajaiban sukar dijelaskan kerana ia melampaui penjelasan manusia. Keajaiban bercakap tentang maha kuasa dan maha hadir serta kuasa kreatif. Keajaiban bercakap tentang Tuhan. Begitulah yang difikirkan oleh George Beverly Shea yang menuliskan kata-kata ini:

Matahari terbenam
pada waktu senja—
inilah keajaiban;
tetapi keajaiban terbesar
yang menggembirakan
jiwaku—Tuhan mengasihiku.

Keajaiban semuanya,
keajaiban semuanya—

Hanya memikirkan
Tuhan mengasihiku!

Mengapa pula Tuhan mengasihiku saya? Ini melampaui pengertian. Saya mengenal diri saya, dan terus terang saya tidak begitu mudah dikasihiku. Oleh itu, mengapa pula Dia berbuat begitu? Menakjubkan.

Tetapi untuk menambahkan lagi keajaiban yang berkisar pada kasih itu, mengapa pula Dia mengasihiku saya dengan cara itu—mengutus Anak-Nya untuk mati kerana dosa saya dan menggantikan tempat saya? Itulah inti iman Kristian, dan tiada jawapan mudah, selain dijawab oleh sifat Tuhan sendiri: kasih.

Oleh sebab keajaiban kasih Tuhan telah mendapat ungkapan penuh dalam kedatangan Kristus demi kita, mari kita lihat cerita Krismas melalui sudut pandangan seorang wanita muda yang mempunyai lebih banyak alasan untuk berasa takjub berbanding dengan orang lain yang terlibat dalam cerita ini.

*Keajaiban kasih
Tuhan telah
mendapat ungkapan
penuh dalam
kedatangan Kristus
demi kita.*

KEAJAIBAN HAK ISTIMEWA

Iklan kad kredit American Express menyatakan, “Keahlian ada hak istimewanya.” Mereka mempromosikan kad kredit mereka dengan cara menarik keinginan manusia untuk menjadi golongan elit dan terpilih, untuk mendapat peluang yang hanya dapat dibayangkan oleh orang lain.

Dunia dibahagi di antara orang yang berada dan yang kekurangan, di antara yang disambut dan yang ditolak, di antara yang ada keistimewaan dan orang luar. Orang di luar melihat

dengan iri dan ketakjuban sementara sedikit orang yang bernasib baik menggunakan “keistimewaan” mereka.

Bagaimanapun, ada keistimewaan yang lebih daripada layanan istimewa atau kad keahlian. Mereka membawa bersama rasa takjub bahawa anda telah dipilih dari kalangan orang lain. Saya tidak mengerti hal ini sehingga saya bertemu dengan Marlene, gadis yang kemudian menjadi isteri saya.

Marlene dan saya telah berkenalan kurang daripada 2 minggu apabila, semasa makan malam bersama, dia berkata dia perlu memberitahu saya sesuatu. Nada suaranya yang sedih membuat saya mengandaikan bahawa saya akan mendengar tentang teman lelakinya di kampung halaman atau tunangnya berkhidmat dalam tentera, tetapi bukan itu halnya. Dia ingin memberitahu

saya bahawa dia adalah anak angkat. Saya berasa begitu lega lalu minta dia menceritakannya dengan lebih terperinci. Selepas saya mendengarnya menjelaskan bagaimana dia yang pada mulanya bernama Kathy di Washington County, Virginia, berubah menjadi Lili Marlene di Raleigh, Carolina Utara, saya bertanya kepadanya, “Pernahkah kamu ingin mencari ibu bapa sebenar kamu?” “Mereka lah ibu bapa sebenar saya,” jawabnya. “Mereka melihat rumah anak yatim penuh dengan anak-anak yang memerlukan keluarga— dan mereka memilih saya. Mereka boleh saja memilih siapa pun, tetapi mereka telah memilih saya. Saya.” Bagi Marlene, keistimewaan bererti kegembiraan kerana dia dipilih!

Saya fikir Maria yang masih muda juga berasa seperti itu apabila malaikat

Gabriel memberitahu dia bahawa dia telah dipilih untuk melahirkan anak, iaitu Kristus. Sejak janji tentang Mesias telah diberi, gadis-gadis Yahudi telah mendambakan supaya dipilih untuk peranan yang istimewa ini. Berabad-abad berlalu dan Mesias tidak datang-datang. Lalu perkhabaran itu datang: Waktu untuk Mesias dilahirkan sudah tiba, dan Maria akan menjadi ibunya! Bahkan dalam salam Gabriel pun, keajaiban tentang keistimewaan ini menjadi jelas: “Salam sejahtera, hai engkau yang sangat diberkati oleh Tuhan! Tuhan menyertai engkau!” (Lukas 1:28).

Lukas memberitahu kita bahawa Maria “gelisah,” dan dia “tertanya-tanya” tentang makna salam yang aneh itu. Kata-kata ini kuat. Gelisah bermaksud “amat bimbang” dan tertanya-tanya berasal daripada akar kata yang

sama dengan *dialog* dalam bahasa kita. Sebenarnya, dia berdialog dengan dirinya sendiri, dalam fikirannya, tentang erti semua itu.

Gabriel mengetahui bahawa Maria bingung, lalu dia memberi penjelasan:

Janganlah takut, Maria, kerana Allah berkenan kepada engkau. Engkau akan mengandung, lalu melahirkan seorang anak lelaki. Hendaklah engkau menamakan Dia Yesus.

Dia akan menjadi agung dan akan disebut Anak Allah Yang Maha Tinggi. Tuhan Allah akan menjadikan Dia raja seperti Daud, nenek moyang-Nya. Dia akan memerintah sebagai raja keturunan Yakub untuk selama-lamanya. Kerajaan-Nya tidak akan berakhir (Lukas 1:30-33).

“Berkenan” maksudnya

Maria mendapat hak istimewa. Inilah keajaiban! Tindak balas Maria—

bahawa dia anak dara— menunjukkan betapa sukarnya bagi dia untuk memahami perkara seperti itu. Gabriel meyakinkan dia bahawa sanak saudaranya Elisabet mengandung walaupun sudah tua, dan Tuhan atas hal yang mustahil boleh memberikan keistimewaan ini kepadanya. Kekaguman dan ketakjuban berubah menjadi kepercayaan dan kerelaan hati.

Tindak balasnya kepada Gabriel adalah tegas dan terus-terang: “Aku hamba Tuhan; biarlah berlaku kepadaku seperti yang engkau katakan” (Lukas 1:38). Alkitab New Living Translation menterjemahkannya sebagai: “Aku hamba Tuhan. Semoga segala sesuatu yang engkau katakan tentang aku menjadi kenyataan.”

Ini amat mengagumkan kerana Maria mengerti kehebatan dalam

pemilihannya untuk melakukan perkara itu, dan dia menerimanya dengan rendah hati. Bayangkan emosinya, ketidakpercayaannya, sukacitanya, ketakjubannya. Bayangkan kekaguman dalam hatinya.

*Bayangkan emosinya,
ketidakpercayaannya,
sukacitanya,
ketakjubannya.
Bayangkan
kekaguman
dalam hatinya.*

KEAJAIBAN KEHAMILAN

Saya dan Marlene mempunyai lima orang anak, dan setiap kelahiran mereka tetap menjadi peristiwa menakjubkan yang pernah saya saksikan. Amat mengagumkan ketika melihat anak dilahirkan

ke dunia ini. Mendengar degupan jantung untuk kali yang pertama, dan tertanyanya sama ada anak itu lelaki atau perempuan. Untuk mendengar ultrabunyi dan merasakan tendangan anak yang belum lahir. Untuk melihat mukjizat yang berlaku di dalam tubuh ibu. Untuk melihat anak menarik nafas yang pertama. Tidak banyak hal dalam hidup yang setara dengan keajaiban tersebut.

Alkitab tidak memberitahu banyak tentang 9 bulan apabila Maria mengandung Kristus yang menjelma, tetapi kita boleh membuat beberapa andaian berdasarkan apa yang kita tahu tentang hidup. Mungkin masa itu adalah waktu Maria mengalami pengalaman-pengalaman baru yang tidak pernah dialaminya dahulu. Dia tiada rujukan untuk perkara yang sedang dialaminya, secara jasmani dan emosi,

dengan pertumbuhan anak setiap hari.

Selain itu, dia pasti harus menanggung pandangan dan bisikan jiran-jiran di kampung Nasaret—orang biasa dengan soalan biasa tentang siapa bapa sebenar anak yang dikandungnya. Kata-kata tajam dan pandangan serong pasti melukakan hatinya.

Dan mungkin ada juga masa-masanya Maria meragukan pengertiannya sendiri—“Adakah saya benar-benar melihat malaikat? Adakah semuanya benar-benar berlaku seperti saya ingat, atau adakah semua orang lain betul dalam kata-kata mereka mengenai saya dan anak saya?”—sehingga keajaiban itu disahkan.

Pada peringkat awal kehamilannya, Maria pergi ke kawasan bukit di Yudea untuk melawat pupu tuanya, Elisabet. Dia juga mengandung dengan

anak yang akan membesar menjadi Yohanes Pembaptis. Alkitab tidak memberitahu kita tentang sebabnya Maria pergi melawat Elisabet, tetapi mungkin juga dia meninggalkan Nasaret untuk lari daripada pandangan serong dan kata-kata tajam.

Dia mencari keamanan dan sokongan daripada Elisabet. Mereka berdua wanita, berbeza secara umur, tetapi dihubungkan oleh keluarga. Dipisahkan oleh jarak, tetapi dihubungkan oleh sejarah. Kedua-dua mereka merupakan wanita yang tidak mungkin mengandung—seorang sudah terlalu tua dan seorang lain anak dara.

Sebaik sahaja melihat Maria, Elisabet mengisytiharkan:

*Berbahagiaalah kamu
antara semua wanita!
Berbahagiaalah anak yang
akan kamu lahirkan
itu! Mengapakah
penghormatan yang*

sebesar ini diberikan kepadaku, sehingga ibu Tuhanku datang melawat aku? (Lukas 1:42-43).

Pengesahan Maria berasal daripada sumber yang tidak disangka-sangka—bayi yang belum lahir melompat di dalam rahim Elisabet apabila mendengar suara Maria. Jawapan Maria, yang disebut “Ucapan Syukur Maria,” menunjukkan rasa takjub yang sebenar dalam keistimewaan kandungannya:

Hatiku menyanjung Tuhan; jiwaku bersukacita kerana Allah, Penyelamatku, Dia ingat akan daku, hamba-Nya yang hina! Mulai sekarang semua orang akan mengatakan aku berbahagia, kerana Allah Maha Kuasa sudah melakukan perkara yang besar untukku. Sucilah nama-Nya (Lukas 1:46-49).

Ketakjuban Maria atas kehamilan yang mukjizat ini adalah jelas dalam jawapannya yang amat indah dengan pujian, penyembahan, dan kesyukuran. Keajaiban kehamilan yang dirancang secara terperinci untuk mencapai matlamat, telah menawan hatinya, serta memenuhi dia dengan ketakjuban yang benar dan keajaiban yang tidak terhalang.

KEAJAIBAN KELAHIRAN ANAK

Apabila waktu bersalin Maria semakin mendekat, dia dan Yusuf memulakan perjalanan jauh dan sukar dari Nasaret ke Betlehem untuk mendaftar dalam banci empayar (Lukas 2:1-3). Penulis Walter Wangerin, Jr. menggambarkan kesukaran perjalanan itu sedemikian:

Mereka menuju ke Betlehem, kota kelahiran Raja Daud satu ribu

tahun lalu, kerana Yusuf ialah keturunan keluarga Daud.

Maria menunggang keldai. Yusuf telah membuat sebuah pelana gulung sebagai sandarannya. Hari bersalinnya sudah hampir ... Dia tercungap-cungap dan letih, bengkok pada tangan, pergelangan tangan, and mata kaki. Rambut panjangnya sudah hilang kecantikannya ... Maria bertekad untuk pergi bersama-sama Yusuf untuk melahirkan anak lelakinya di kota bapanya Daud.

Walaupun ini hanya sebahagian kecil keajaiban kisah Krismas, saya mendapatinya bukan perkara remeh, bahawa sebenarnya, Tuhan yang berdaulat telah menggerakkan seluruh Empayar Roma untuk satu tujuan, iaitu membawa

Maria ke tempat yang sepatutnya ketika dia melahirkan Kristus. Kerana tiada yang lain kecuali titah perintah empayar yang dapat menyuruh seorang wanita yang hampir bersalin untuk menempoh perjalanan sejauh 80 batu di atas punggung keldai! (Lukas 2:4-5).

Satu lagi mukjizat. Satu lagi keajaiban.

Kemurahan Hati Orang Asing. Betlehem, kampung halaman keluarga dan nenek moyang Yusuf, adalah kampung yang terletak 5 batu jauhnya dari selatan Yerusalem, tidak jauh dari kaki bukit tanah gurun Yudea. Apabila mereka tiba di Betlehem, Maria dan Yusuf mendapati masyarakat kecil itu dibanjiri penziarah yang datang untuk pembancian. Rumah tumpangan penuh sesak, dan tiada lagi tempat untuk pasangan baru itu, apalagi tempat untuk bersalin.

Kota Daud tiada rumah untuk perempuan muda itu untuk melahirkan anaknya. Namun, ada seseorang (pemilik rumah tumpangan, menurut legenda dan kebanyakan program Krismas gereja) rela melakukan sesuatu yang di luar tugas biasanya. Dia cukup prihatin sehingga memberikan tempat bagi Maria dan Yusuf di tempat ternakan. Walaupun tempat itu sangat sederhana, namun ia memberi mereka perlindungan daripada cuaca sejuk dan kesibukan orang ramai.

Perbuatan biasa yang menunjukkan kemurahan hati ini menjamin bahawa pentas sudah sedia untuk peristiwa yang paling menakjubkan—Anak Domba Tuhan akan dilahirkan di dalam tempat binatang ternakan.

Kelahiran Anak.

“Ketika mereka di Betlehem, tibalah masanya bagi

Maria untuk bersalin. Dia melahirkan seorang anak lelaki, anaknya yang sulung. Anak itu dibedunginya lalu diletakkan di dalam palung, kerana mereka tidak mendapat tempat untuk menumpang” (Lukas 2:6-7).

Saya sentiasa terharu dengan kesederhanaan gambaran tersebut. Peristiwa yang sangat mengagumkan ini tidak ditonjolkan, sehingga anda tidak perasan sedikit pun bahawa ia sudah dibaca. Ada banyak hal yang tidak diceritakan sehingga anda merasa harus membacanya lagi ... dan lagi.

Tiada apa-apa yang disebut tentang kesakitan bersalin yang dilalui oleh wanita muda ini. Seruan kegirangan dibiarkan tidak dicatat sementara Yusuf, yang rupanya menjadi bidan bagi Maria, membantu dalam kelahiran anak itu dan menyerahkan Dia kepada ibu-Nya.

Maria pasti dilanda rasa takjub kerana sedar bahawa anak yang didukung dan disuainya itu adalah Anak Tuhan.

Pada satu tahap, Maria pasti mengalami perasaan indah yang dialami oleh setiap ibu baru semasa dia mendukung anaknya untuk kali yang pertama. Tetapi pada pihak lain, pasti dia berasa dilanda rasa takjub kerana sedar bahawa anak yang didukung dan disuainya itu adalah Anak Tuhan, dan oleh ingatan tentang apa yang akan dilakukan oleh Anak ini—untuk menyelamatkan bangsa daripada dosa mereka (termasuk dirinya, ibu-Nya sendiri). Anak ini—yang dijanjikan oleh malaikat, dikandung kerana kuasa Roh Kudus, disahkan

oleh Yohanes yang belum lahir, dibawa di dalam rahim ke Betlehem, dan dikelilingi oleh binatang ternakan waktu dilahirkan—adalah yang disebut “Penasihat Bijaksana,” “Allah Perkasa,” “Bapa Kekal,” “Raja Damai” (Yesaya 9:5).

Dalam kehidupan Maria yang masih muda, tiada apa pun yang mempersiapkan dia untuk ini. Dia seorang gadis Yahudi yang biasa pada abad pertama, daripada keluarga yang biasa dan menjalani hidup di pekan kecil. Namun, dengan ketakjuban dan ketaatan, dia memeluk implikasi yang luar biasa tentang rancangan Tuhan yang ajaib dalam hidupnya. Dan keajaiban emosinya yang berubah-ubah selama 9 bulan hanya membawanya untuk memberi tindak balas ini: “Tetapi Maria menyimpan semua perkara itu di dalam hati dan merenungkannya” (Lukas 2:19).

*Anak ini—
yang dijanjikan
oleh malaikat,
dikandung kerana
kuasa Roh Kudus,
disahkan oleh Yohanes
yang belum lahir,
dibawa ke Betlehem
dalam kandungan,
dan dikelilingi oleh
binatang ternakan
waktu dilahirkan—
adalah yang disebut
“Penasihat Bijaksana,”
“Allah Perkasa,”
“Bapa Kekal,”
“Raja Damai”
(Yesaya 9:5).*

Perkataan
merenungkannya adalah
juga tindak balasnya
terhadap perkhbararan
malaikat Gabriel 9 bulan

dahulu (Lukas 1:29). Sekali
lagi, Maria, dalam dialog
dalamannya, di dalam
fikirannya, cuba memahami
segala yang berlaku. Pada
hari ini, dalam budaya kita
yang didorong oleh budaya
teknologi, kita mungkin
berkata bahawa dia sedang
“memproses” semua itu.

- Memproses penepatan janji itu.
- Memproses kemuncak kandungannya.
- Memproses perjalanannya dari rumahnya ke Betlehem.
- Memproses persekitarannya di dalam tempat ternakan.
- Memproses pergelutan dalam melahirkan anak.
- Memproses lawatan para gembala yang sederhana.
- Memproses keajaiban Tuhan yang menjelma dalam anaknya.

Dua ribu tahun
selepas itu, kita masih
memprosesnya. Masih asyik
dalam ketakjuban. Sekali

lagi, lagu “Aku Takjub Semasa Aku Mengembara” menyatakannya dengan tepat sekali:

Ketika Maria
melahirkan Yesus,
tempatnyanya di kandang sapi,
Ada ahli kaji bintang, petani
dan gembala ternakan.
Tetapi dari syurga Tuhan,
cahaya bintang bersinar,
Janji sejak zaman purba
diingat semula.

Itulah dia—janji sejak
zaman purba. Keajaiban
Krismas. Tumpuan
ketakjuban.

YUSUF: **Sudut Pandangan** **Ketaatan**

Saya minat muzik—
segala jenis
muzik. Tetapi
selama bertahun-tahun,
saya sengaja tidak
memperhatikan muzik
“country”, iaitu muzik rakyat
Amerika (bertentangan
dengan asal saya dari
Virginia Barat, tempat yang

terkenal dengan muzik jenis ini). Kemudian beberapa tahun kebelakangan ini, anak perempuan saya memujuk saya untuk mendengar sedikit muzik “country” dan saya menjadi peminat muzik tersebut— mungkin sebahagian sebabnya adalah lirik dan penulisan yang sangat bijak, dan sebahagian lagi kerana lagu-lagu itu sering menyampaikan cerita.

Salah seorang penyanyi yang Beth suruh saya dengar, secara ironinya, adalah sesama orang Virginia Barat. Dengan serta-merta saya terpicik dengan lagu penyanyi/ penggubah ini kerana dia seperti saya, cinta akan pasukan profesional bola sepak Amerika Cleveland Browns dan pasukan bola sepak Amerika kolej Virginia Barat Mountaineer. Nama penyanyi itu ialah Brad Paisley, dan dia menawan serta menghibur. Banyak

lagunya (seperti “Celebrity” atau “I’m Gonna Miss Her”) sangat lucu. Yang lain (seperti “I Wish You’d Stay” atau “When I Get Where I’m Going”) adalah serius dan memilukan.

Dalam kategori kedua itu ada sebuah lagu berjudul “He Didn’t Have To Be,” yang menceritakan seorang budak lelaki, dan dia satu-satunya anak seorang ibu tunggal. Bila saja seorang lelaki mengajak ibu muda itu keluar, dengan cepat hubungan itu putus apabila lelaki tersebut melihat bahawa ibu itu ada anak lelaki. Berkali-kali budak lelaki itu melihat ibunya kehilangan harapan untuk mendapat kebahagiaan semula, dan budak itu tahu bahawa penyebabnya adalah dirinya. Pada satu hari, seorang lelaki datang dan dengan senyuman, dia menjemput budak lelaki itu untuk keluar bersama dengan mereka. Suatu ikatan

kasih dan penghargaan mula bertumbuh antara budak itu dan lelaki tersebut, dan akhirnya dia menjadi bapa tiri budak itu. Kini, semasa menyanyi sebagai orang dewasa, dia meraikan pengalaman membesar dengan kasih dan penerimaan seorang bapa tiri yang telah menjadikan rumah mereka sebuah keluarga dan menambah bilangan dua orang menjadi tiga orang. Sekarang dia sudah berkahwin, dan pemuda itu berdiri di luar tingkap bilik bayi hospital dan melihat anaknya yang baru lahir, dan bapa tirinya ada di sisinya. Apakah keinginan dan kehendak serta doanya? Agar dia boleh mempunyai sesetengah sifat kebapaan yang “tidak semestinya perlu” bagi bapa tirinya.

Lelaki yang dikasihinya sebagai bapa sendiri boleh saja berpaling dan pergi. Dia mempunyai pilihan, dan

dia memilih untuk menjadi bapa. Dia memilih untuk menjadi apa yang tidak perlu berlaku. Dia memilih untuk mengasihi.

Lagu ini mengingatkan saya tentang cerita Krismas kerana ia mengingatkan saya tentang seorang watak utama, walaupun secara diam-diam dan hampir tidak kelihatan, dia muncul dalam drama kelahiran Kristus: Yusuf, tukang kayu di Nasaret. Dia juga membuat pilihan. Dia pun boleh saja berpaling dan pergi. Sebaliknya, dengan rela dan taat dia menerima tanggungjawab yang boleh dikatakan tugas yang paling sukar di seluruh alam semesta—menjadi bapa tiri bagi Anak Tuhan. Yusuf taat, dengan pergorbanan besar, untuk menjadi apa yang sebenarnya tidak perlu dilakukannya. Dan semua itu bermula dengan lawatan malaikat, seperti juga yang berlaku dengan Maria dan

Yusuf boleh saja berpaling dan pergi. Sebaliknya, dengan rela dan taat dia menerima tanggungjawab yang boleh dikatakan tugas yang paling sukar di seluruh alam semesta—menjadi bapa tiri bagi Anak Tuhan.

gembala-gembala ternakan.

TAAT PADA PETUNJUK MALAIKAT

Menurut kepercayaan sejak dahulu, Yusuf dianggap jauh lebih tua daripada Maria, dan andaian ini didasarkan pada kemungkinan bahawa dia sudah meninggal apabila Yesus memulakan pelayanan-Nya di khalayak

ramai. Mungkin Yusuf telah menunggu sampai bertahun-tahun untuk berkahwin. Dan kini dia ternanti-nanti harinya dia berkahwin dengan seorang pengantin perempuan muda. Pertunangan mereka bermaksud mereka sudah terikat kepada satu sama lain, walaupun mereka belum hidup sebagai suami isteri—berbeza dengan “pertunangan” pada hari ini yang mudah saja diputuskan.

Bayangkan kepedihan hati Yusuf pada waktu itu, apabila dia mendengar bahawa Maria, tunangnya yang murni, salih dan muda itu mengandung! Pengkhianatan Maria itu pasti telah menggoncangkan dunia Yusuf. Mengapa pula Maria berbuat begitu? Dan siapakah lelaki yang terlibat dalam pengkhianatan ini?

Kita tidak diberitahu sama ada Yusuf sendiri berhubung dengan

Maria tentang hal itu. Kemungkinan sekali bapa Maria, dengan rasa malu, memberitahu Yusuf berita

Bayangkan kepedihan hati Yusuf pada waktu itu, apabila dia mendengar bahawa Maria, tunangnya yang murni, salih dan muda itu mengandung!

itu. Apakah yang dilakukan oleh Yusuf nanti? Matius menjawab soalan kita, dan menyingkap isi hati Yusuf, seorang yang tenang:

Inilah kisah kelahiran Yesus Kristus. Ibu-Nya, Maria, bertunang dengan Yusuf. Tetapi sebelum mereka berkahwin, Maria sudah mengandung kerana kuasa Roh Allah.

Yusuf seorang yang taat kepada hukum agama, tetapi dia tidak mahu mempermalukan Maria di hadapan umum. Oleh itu Yusuf berniat memutuskan pertunangan itu secara diam-diam (Matius 1:18-19).

Bakal pengantin lelaki yang hancur hati itu mempertimbangkan pilihannya. Jika orang tahu tentang Maria yang sedang mengandung, Yusuf akan dihina di hadapan umum, dan menjadi sasaran belas kasihan dan ejekan. Namun tindak balasnya bukan hendak membalas dendam, atau menuntut keadilan. Dia boleh saja menuntut agar bakal isterinya itu direjam sampai mati kerana dosa zina—melakukan hubungan seksual semasa tempoh pertunangan. Walaupun perempuan dan lelaki yang sedang bertunang tidak ada hubungan

Jika orang tahu tentang Maria yang sedang mengandung, Yusuf akan dihina di hadapan umum, dan menjadi sasaran belas kasihan dan ejekan.

seksual semasa dalam pertunangan, hubungan ini merupakan ikatan sah menurut undang-undang dan hanya boleh diputuskan dengan perceraian. Tetapi Yusuf tidak berusaha untuk membalas dendam atau menghukum, sebaliknya dia mencari jalan untuk melindungi Maria sementara dia tetap mematuhi taurat Musa.

Apakah pilihannya? Kematian dengan direjam batu, yang akan membebaskan dia daripada tuduhan di hadapan

umum, atau memutuskan ikatan perkahwinan secara diam-diam yang akan menyingkirkan Maria daripada hidupnya.

Semasa Yusuf sedang bergelut dengan dilema ini, dan rupanya bercadang untuk memutuskan pertunangan itu secara diam-diam, dia menerima perkhabaran istimewa daripada utusan yang telah melawat Maria sebelum ini:

Yusuf mempertimbangkan perkara itu. Kemudian dalam mimpi, malaikat Tuhan menampakkan diri kepadanya.

Malaikat itu berkata, "Hai Yusuf, keturunan Daud! Janganlah takut memperisteri Maria. Dia mengandung kerana kuasa Roh Allah. Maria akan melahirkan seorang anak lelaki. Anak itu harus engkau namakan Yesus, kerana Dia akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa

mereka." Semua itu berlaku supaya terjadilah apa yang difirmankan oleh Tuhan melalui nabi-Nya, "Seorang anak dara akan mengandung, lalu melahirkan seorang anak lelaki. Anak itu akan dinamakan Imanuel." (Dalam bahasa Ibrani, Imanuel bererti, "Allah menyertai kita") (Matius 1:20-23).

Perkataan

mempertimbangkan di dalam ayat 20 adalah penting. Ini menunjukkan bahawa dia merenungkan serta memikirkan hal itu dengan masak-masak, dan menyatakan betapa sukarnya dia bergelut dengan masalah itu. Perkataan ini juga adalah sama erti dengan kata "merenungkan," seperti yang dilakukan oleh Maria selapas malaikat Gabriel melawat dia!

Perkhabaran dari syurga yang disampaikan oleh

malaikat bukan perkara kecil. Dan inti pemberitaan itu pun sangat penting:

- Kedudukan Yusuf sebagai keturunan Raja Daud, pahlawan dalam sejarah Israel, menempatkan anak tirinya dalam jurai keturunan diraja.
- Roh Kudus ialah sumber kandungan Maria: “Dikandung oleh Roh Kudus.”
- Nama anak itu, Yesus, akan menjelaskan misinya (“Dia akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa mereka”).
- Kelahiran anak itu adalah penepatan nubuat daripada Alkitab Yahudi, dan bukan hanya menerangkan sebab anak itu datang, tetapi menjelaskan siapa Dia (“Tuhan menyertai kita”).

Perkhabaran malaikat itu adalah berita baik dan juga berita buruk.

Berita baik kerana Maria sebenarnya tidak berlaku curang terhadap Yusuf. Dia boleh mengahwininya tanpa meragukan kesuciannya atau komitmen Maria terhadapnya. Apakah pula berita buruk? Siapakah yang akan mempercayai hal ini? Bagaimana mungkin Yusuf dapat menjelaskan kepada kawan-kawan dan ahli keluarga tentang hakikat kandungan Maria? Tentu sekali cerita seumpama itu akan dianggap aneh, dan Yusuf akan dikatakan bodoh kerana percaya kepada perkara karut seperti itu.

Sekali lagi, Yusuf berada di persimpangan beberapa pilihan—pilihan untuk melindungi diri sendiri ataupun taat kepada perintah Tuhan.

Apabila Yusuf terjaga, dia melakukan apa yang dikatakan oleh malaikat Tuhan itu. Dia berkahwin dengan Maria. Tetapi Yusuf

tidak berseketiduran dengan Maria sehingga Maria melahirkan anak lelaki. Yusuf menamakan anak itu Yesus (Matius 1:24-25).

Perkhabaran malaikat itu adalah berita baik dan juga berita buruk. Berita baik kerana Maria sebenarnya tidak berlaku curang terhadap Yusuf ... Berita buruk? Siapakah yang akan mempercayai hal ini?

Yusuf bertindak balas dengan ketaatan kepada keadaan hidup yang sangat sukar. Ketaatan itu bukan mudah atau bebas daripada kesakitan, melainkan disertai pengorbanan. Bagaimanapun, bukan kali

ini sahaja ketaatan menjadi ciri hidupnya.

KETAATAN PADA PEMERINTAHAN MANUSIA

Selama dua ribu tahun, permulaan cerita Krismas telah disambut dengan kata-kata yang diketahui ramai, "Pada masa itu Kaisar Agustus menitahkan semua penduduk Empayar Roma mendaftarkan diri untuk dibanci" (Lukas 2:1). Ayat ini dengan ringkas dan jelas menggambarkan hakikat hidup dalam dunia Yusuf. Roma memerintah dengan kuasa mutlak, dan sama ada orang tunduk pada kekuasaan itu atau dihancurkan oleh kekejamannya.

Bagaimanapun, peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika Kristus dilahirkan, juga menjadi peringatan yang menakjubkan bahawa kerajaan manusia tidak berjalan sendiri atau wujud

secara kebetulan. Amsal 21:1 mengingatkan kita bahawa “TUHAN menguasai fikiran raja seperti Dia menentukan aliran sungai.” Di dalam Galatia 4:4, kita diberitahu bahawa “pada saat yang tepat, Allah mengutus Anak-Nya sendiri ke dunia. Anak-Nya itu dilahirkan oleh seorang wanita dan hidup di bawah Taurat.” Sebahagian “saat yang tepat” itu adalah penglibatan Tuhan secara aktif dalam kejadian-kejadian sejarah manusia untuk mempersiapkan tempat bagi ketibaan Kristus.

Pada masa itu Kaisar Agustus menatahkan semua penduduk Empayar Roma mendaftarkan diri untuk dibanci. Pembancian yang pertama dijalankan sewaktu Kirenus menjadi gabenor negeri Siria. Semua orang pergi ke kota masing-masing untuk mendaftarkan

diri. Yusuf berangkat dari Nasaret di Galilea, lalu pergi ke Betlehem di Yudea, tempat lahir Raja Daud. Yusuf pergi ke sana kerana dia keturunan Raja Daud. Dia mendaftarkan diri bersama-sama Maria, tunangannya yang sedang mengandung (Lukas 2:1-5).

Perhatikan ahli-ahli politik penting yang terlibat untuk mengambil keputusan ini: Kaisar Agustus, yang memerintah dunia yang diketahui pada masa itu, dan Kirenus, yang memerintah sebahagian dunia itu. Namun, kedua-dua mereka diperintah oleh Tuhan, Raja syurga dan bumi. Dan seluruh dunia—“seluruh tempat di bumi yang berpenduduk”—digerakkan agar Maria berada di tempat yang tepat untuk melahirkan Kristus sesuai dengan apa yang dikatakan oleh para nabi sejak dahulu kala.

Para pakar Alkitab mempunyai pendapat yang berbeza tentang kemungkinan Maria boleh dikecualikan daripada perjalanan yang sukar (dan berbahaya) ke Betlehem kerana dia sudah sarat mengandung. Tetapi apa pun yang dituntut oleh undang-undang terhadap Yusuf pada masa itu, Yusuf mematuhi perintah kerajaan dengan teliti untuk pergi ke Betlehem supaya dihitung dalam banci empayar.

Mungkin perkara ini kelihatan hal kecil, tetapi saya tidak berpendapat sedemikian. Saya fikir ini mendedahkan sifat hati orang ini dan ketaatan penuhnya kepada Dia yang telah menyuruh para pengikut-Nya (dan kita) tentang hubungan kita dengan “penguasa yang ada.” Inilah tanda hati yang mengakui peranan pihak berkuasa dan akur padanya.

Hasil daripada ketaatan

Yusuf, Anak Tuhan dilahirkan di Betlehem, kota Daud, seperti dinubuatkan dalam Mikha 5:2.

Hasil daripada ketaatan Yusuf, Anak Tuhan dilahirkan di Betlehem, kota Daud, seperti dinubuatkan dalam Mikha 5:2.

TAAT KEPADA FIRMAN TUHAN

Sesudah berumur lapan hari, tibalah masanya anak itu disunat. Dia dinamakan Yesus, nama yang diberikan oleh malaikat kepada-Nya sebelum Dia dikandung oleh ibu-Nya. Tibalah masanya Yusuf dan Maria menjalankan upacara penyucian menurut Taurat Musa. Oleh itu, mereka

membawa anak itu ke Yerusalem untuk diserahkan kepada Tuhan. Di dalam hukum Tuhan tertulis, "Tiap-tiap anak lelaki sulung harus diserahkan kepada Tuhan." Mereka juga mempersembahkan korban menurut hukum Tuhan, yaitu sepasang burung dara atau dua ekor burung merpati muda (Lukas 2:21-24).

Peristiwa yang seterusnya ini sudah pasti memberitahu kita bahawa Yusuf yang menjalankan tanggungjawabnya, walaupun namanya tidak disebut dalam teks. Bagi lelaki Yahudi yang setia, penting sekali untuk memenuhi tuntutan hukum berkaitan dengan kelahiran anak. Hukum Musa menuntut beberapa persembahan korban dan upacara keagamaan, seperti yang tertulis di dalam mandat Perjanjian Lama:

- Setiap anak lelaki Yahudi mesti disunat. Inilah yang menandakan mereka sebagai anak-anak Abraham (Kejadian 17). Mula-mula sunat diamalkan melalui perintah langsung daripada Tuhan, lalu sunat dimasukkan ke dalam hukum Yahudi melalui Musa, dan menjadi cara membuat umat Tuhan itu istimewa dan lain daripada budaya kafir di sekitar mereka.
- Korban harus dipersembahkan sebagai penyucian bagi wanita setelah melahirkan anak (Imamat 12). Upacara ini dilangsungkan 40 hari selepas kelahiran anak, lelaki atau perempuan. Hakikat bahawa Yusuf dan Maria mempersembahkan burung dara atau burung merpati sebagai korban menunjukkan bahawa mereka tidak kaya,

kerana orang berada akan dituntut untuk mempersembahkan anak domba.

Bapa adalah yang bertanggungjawab untuk memenuhi tuntutan hukum. Dan walaupun dia tidak disebut dalam ayat ini, kita boleh andaikan dengan yakin bahawa Yusuf telah memenuhi tuntutan hukum selepas Kristus lahir, dan menyediakan jalan bagi Dia yang akan berkata kemudian: “Janganlah menganggap bahawa Aku datang untuk menghapuskan Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi. Aku tidak datang untuk menghapuskannya, tetapi Aku datang supaya semua ajaran itu berlaku” (Matius 5:17).

Kristus yang akan memenuhi semua tuntutan hukum dengan sempurna telah mengikut teladan bapa tiri di dunia yang mengambil berat tentang ketaatan kepada Tuhan.

Dalam semua hal yang dilakukannya, Yusuf menjadi teladan dalam penyerahan dan ketaatan kepada apa yang dikehendaki oleh Tuhan daripada anak-anak-Nya.

Dalam semua hal yang dilakukannya, Yusuf menjadi teladan dalam penyerahan dan ketaatan kepada apa yang dikehendaki oleh Tuhan daripada anak-anak-Nya.

TAAT KEPADA AMARAN DARI SYURGA

Sebelum pernyataan Yusuf yang terakhir di dalam Alkitab, kita melihat dia melawat Rumah Tuhan di Yerusalem bersama dengan

Maria dan Yesus yang berumur 12 tahun (Lukas 2), kita melihat dia berhadapan dengan dua lagi peluang untuk taat atau tidak.

Yesus lahir di kota Betlehem di negeri Yudea, pada masa pemerintahan Raja Herodes. Kemudian beberapa orang ahli kaji bintang dari timur datang ke Yerusalem. Mereka bertanya, "Di manakah anak yang baru lahir itu, yang akan menjadi raja orang Yahudi? Kami nampak bintang-Nya terbit di sebelah timur, dan kami datang hendak menyembah Dia." Apabila mendengar hal itu, Raja Herodes resah gelisah, demikian juga semua penduduk Yerusalem (Matius 2:1-3).

Lawatan para ahli kaji bintang menakutkan Herodes, kerana dia melihat kelahiran seorang raja baru sebagai bahaya dan ancaman yang nyata

terhadap kestabilan dan kelanjutan kerajaannya sendiri. Akibat daripada lawatan para ahli kaji bintang ke Betlehem juga pasti telah membimbangkan Yusuf, walaupun dengan cara yang amat berlainan. Selepas orang asing itu tiba-tiba muncul di pintu rumah, satu lagi lawatan malaikat memberi amaran kepada Yusuf tentang bahaya yang akan melanda mereka.

Setelah mereka [ahli kaji bintang] berangkat, malaikat Tuhan menampakkan diri kepada Yusuf dalam mimpi dan berkata, "Herodes akan mengeluarkan perintah untuk mencari Anak itu dan membunuh Dia. Bangunlah dan bawalah Anak itu dengan ibu-Nya ke Mesir. Tinggallah di sana sehingga Aku berfirman lagi kepadamu." Yusuf bangun, dan pada malam

itu juga dia membawa Anak itu dengan ibu-Nya ke Mesir. Mereka tinggal di sana sehingga Raja Herodes mangkat. Dengan demikian berlakulah apa yang difirmankan oleh Tuhan melalui nabi-Nya, “Aku memanggil Anak-Ku keluar dari Mesir” (Matius 2:13-15).

Maria dan Yusuf hidup jauh daripada perhatian para penguasa dan hakim. Mereka tidak pernah terfikir bahawa anak mereka dalam bahaya kerana ancaman daripada penguasa tersebut. Tiba-tiba Yusuf sedar bahawa mereka tinggal di dunia yang jauh lebih berbahaya daripada apa yang dibayangkan. Hanya suara malaikat yang boleh meyakinkan mereka bahawa anak lelaki mereka itu dalam bahaya.

Apabila Yusuf menerima amaran itu daripada malaikat, dia tidak

berlengah lagi. Tindak balas pertamanya adalah untuk melindungi anak itu. Perjalanan ke Mesir jauh, bahkan berbahaya juga. Tetapi dengan ancaman Herodes yang begitu mengerikan, mereka tidak boleh tinggal di Betlehem. Mereka akan selamat di Mesir. Dan dari Mesir, Kristus—seperti umat Israel yang dipimpin oleh Musa beberapa ratus tahun dahulu—akhirnya kembali untuk hidup dan membesar serta bersiap untuk pelayanan-Nya di khalayak ramai selama beberapa tahun.

Setelah Raja Herodes mangkat, malaikat Tuhan menampakkan diri dalam mimpi Yusuf. Pada masa itu Yusuf masih di Mesir. Malaikat itu berkata, “Bangunlah dan bawalah Anak itu dengan ibu-Nya kembali ke negeri Israel, kerana orang yang cuba membunuh Anak

itu sudah meninggal.” Yusuf pun bangun, lalu membawa anak itu dan Maria kembali ke negeri Israel (Matius 2:19-21).

Pada tahap manusia, kerelaan Yusuf untuk mentaati amaran malaikat merupakan kelepasan yang pertama daripada banyak bahaya lain yang dialami oleh Yesus nanti. Dia yang sering didengar berkata, “Masaku belum tiba” akan terlepas daripada bahaya ini dan ancaman lain sehingga tiba saat kematian-Nya di kayu salib—kematian yang memenuhi tuntutan hukum, menghapuskan keperluan untuk mempersembahkan korban-korban lain, dan menebus dunia yang dipenuhi dosa.

Ketaatan Yusuf adalah sebahagian daripada persiapan untuk pelayanan dan pencapaian Anak yang “belajar menjadi taat melalui penderitaan-Nya” (Ibrani 5:8).



Apabila kita melihat cerita Krismas melalui pengalaman Yusuf, kita selalu melihat ketaatan hatinya dengan begitu jelas. Ketika berhadapan dengan pilihan demi pilihan, dia bertindak balas dengan taat kepada setiap cabaran yang diletakkan di hadapannya.

Keindahan ketaatan telah dicemar oleh sikap dunia kita yang “mengikut kehendak kamu” dan “melakukan hal sendiri.” Namun, masih ada keindahan yang sederhana dan tenang terhadap hati yang taat. Ini membantah pemberontakan kita yang sudah jatuh dalam dosa dan memimpin kita ke arah yang lebih baik. Ini menunjukkan hikmat untuk bersungguh-sungguh dengan Tuhan dan kebodohan mengikut kehendak sendiri. Ini mengingatkan kita bahawa Tuhan itu berdaulat dan kita tidak—dan inilah jalan yang sepatutnya.

Di dalam bukunya yang sangat baik, *A Long Obedience In The Same Direction* (Ketaatan Yang Bertahan Ke Arah Yang Sama), Eugene Peterson mengatakan:

Friedrich Nietzsche ... menulis, “Perkara yang mustahak ‘di syurga dan di bumi’ adalah ... ketaatan yang bertahan ke arah yang sama; berhasil dan sentiasa membuahkan hasil dalam perjalanan jauh, sesuatu yang membuat hidup berbaloi untuk dijalani.” Maka “ketaatan bertahan ke arah yang sama” inilah yang cuba dilemahkan oleh dunia.

“Larian jauh.” Suatu “ketaatan yang bertahan.” Yusuf memilih untuk menjalani hidup yang taat dan percaya di dunia yang tidak menggalakkan komitmen jangka panjang dan lebih suka dengan balasan segera. Dan apabila

kita menghadapi cabaran untuk tidak mempeduli atau mentaati, mengikut Tuhan atau mengikut jalan kita sendiri, Yusuf memberi kita teladan yang berguna untuk dicontohi.

Ketaatan yang indah menunjukkan hikmat kepada kita untuk bersungguh-sungguh dengan Tuhan dan kebodohan mengikut kehendak sendiri. Ini mengingatkan kita bahawa Tuhan itu berdaulat dan kita tidak.

Alkitab tidak mencatat kata-kata Yusuf. Dia tidak dilihat sebagai orang yang memulakan sesuatu; dia menyahut. Dia tidak menjadi tumpuan perhatian; dia bekerja di belakang

tabir. Tetapi ciri abadi daripada teladannya adalah kerelaannya untuk mentaati Tuhan. Rupa-rupanya, sudah lama dia belajar untuk mempercayai Tuhan. Sebenarnya, ketaatan Yusuf mengajar kita bahawa kepercayaan dan ketaatan tidak boleh dipisahkan. Jika kita tidak percaya kepada Tuhan pada mulanya, kita tidak dapat menyerahkan pilihan dan tujuan hidup kita kepada maksud-Nya. Dan jika kita tidak mentaati Tuhan, kita tidak akan melihat hal-hal besar yang membuat kita rendah hati dan yang ingin dilakukan-Nya melalui hidup kita. Tidak hairanlah salah satu lagu gereja yang amat dicintai menggemakan kebenaran yang jelas ini:

Percaya dan taat,
kerana tiada lagi jalan lain
Untuk bersukacita
dalam Yesus
kecuali percaya dan taat.

SUDUT PANDANGAN KITA TERHADAP KRISMAS

Mungkin anda adalah di kalangan ramai orang yang melihat Krismas sebagai musim pengujian dan cabaran, dan bukan musim yang gembira. Bagi anda, keriangian Krismas dan alasan bagi perayaan itu sudah lama hilang dalam kabus kebingungan, kekecewaan, atau kesunyian. Ini bukan musim yang dinikmati—ia sudah menjadi musim untuk ditanggung.

Mungkin itulah sebabnya sudut pandangan seseorang itu sangat penting. Sudut pandangan Maria dan Yusuf boleh membantu kita untuk menemukan semula keindahan hakikat bahawa Krismas itu bukan satu musim semata-mata. Krismas adalah

hadiah—hadiah yang mengungkapkan sampai mana Tuhan kita yang mengasihi ingin menjadikan kita milik-Nya sendiri.

Bagi Maria dan Yusuf, terdapat keajaiban dalam peristiwa-peristiwa itu. Keajaiban tentang siapa Kristus dan keajaiban maksud kedatangan-Nya hanya merupakan permulaan. Keajaiban tentang erti semua ini dalam hidup kita adalah di luar pengertian kita.

Dalam Yohanes 1:12 kita membaca satu janji yang sangat penting daripada Tuhan di syurga:

Tetapi kepada mereka yang menyambut Dia dan percaya kepada-Nya, mereka diberikan-Nya hak menjadi anak Allah.

Bayangkan, Pencipta langit dan bumi yang memungkinkan kita mengenal Dia, untuk mendapat pengampunan atas semua kesalahan kita,

dan untuk menerima lebih daripada kehidupan kekal—untuk menerima peluang dan keajaiban menjadi sebahagian keluarga-Nya!

Tuhan melakukan semuanya dengan mengutus Anak-Nya pada Krismas yang pertama. Jika anda bercakap dengan Dia, mengakui kegagalan anda, mengungkapkan keperluan anda, mengakui kuasa-Nya atas kehidupan anda, dan menerima anugerah pengampunan daripada Anak-Nya, anda boleh mengalami keajaiban yang terbesar—kehidupan baru yang ajaib dalam Kristus.

"The Wonder Of It All" (hal. 5) oleh George Beverly Shea © Dibaharui pada tahun 1985 oleh The Rodeheaver Co. Semua hak cipta terpelihara.



Buku kecil ini dipetik daripada buku *Windows On Christmas* oleh Bill Crowder, yang diterbitkan oleh Discovery House Publishers, sebahagian keluarga RBC Ministries. Bill, dalam pelayanan

pengembalaan selama 20 tahun,
kini menjadi Pengarah Penerbitan
bagi RBC Ministries. Dia dan
isterinya Marlene mempunyai lima
orang anak.

Penterjemah: Stemmah Sariau
Editor: Stemmah Sariau, Lydia Ng
Buku Asli: *Mary & Joseph-
Reflecting On The Wonder Of Christmas*
Reka bentuk kulit: Terry Bidgood
Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik,
© 1996 Bible Society of Malaysia.
Hak Cipta Terpelihara.

© 2008 RBC Ministries, Grand Rapids,
Michigan. Dicetak di Malaysia.

HADIAH TERBESAR

Anda tidak sendirian jika anda masih mempertimbangkan sama ada membuka hati kepada hadiah penyelamatan yang ditawarkan oleh Tuhan atau tidak. Ramai orang berfikir bahawa tawaran itu agak mustahil untuk diterima. Ramai lagi yang takut mereka akan berhutang kesyukuran dan kasih Tuhan sampai kekal.

Namun, keputusan untuk menerima hadiah penyelamatan itu adalah hak anda. Rasul Yohanes menulis, “Dia datang ke negeri-Nya sendiri, tetapi bangsa-Nya tidak menyambut Dia. Tetapi kepada mereka yang menyambut Dia dan percaya kepada-Nya, mereka diberikan-Nya hak menjadi anak Allah” (Yohanes 1.11-12).

Jika anda bersedia untuk menerima pemberian yang terbesar, maka inilah keterbukaan hati yang dicari oleh Tuhan. Mungkin anda ingin menggunakan kata-kata sendiri, atau mengungkapkan doa seperti ini:

Ya Tuhan, saya tahu saya telah berdosa terhadap-Mu. Saya percaya bahawa Yesus ialah Anak-Mu, Dia mati di kayu salib untuk menanggung hukuman dosa saya, dan Dia telah bangkit dari kematian untuk membuktikan semua ini. Sekarang saya menerima pengampunan penuh, hidup sejati dan kekal yang Engkau berikan. Saya menyambut Yesus sebagai hadiah-Mu untuk penyelamatanku.

Jika inilah jawapan yang benar dari hati anda, anda telah menjalinkan hubungan yang peribadi dengan Tuhan!

